

Penyelesaian Perbezaan Penilaian Pengkritik Hadith Ke Atas Kredibiliti Perawi: Kajian Ke Atas Perawi Bagi Hadith-Hadith Di Dalam Kitab Mastika Hadith Jilid 3

Aminuddin Bin Mohamed¹ & Fadlan Mohd Othman²

Email: amintj@gmail.com

¹Calon Sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Perbezaan penilaian perawi dalam kalangan pengkritik hadith adalah suatu perkara yang biasa terjadi seperti perbezaan pendapat yang kebiasaan berlaku dalam kalangan para *fuqahā'* berdasarkan *ijtihad* mereka. Perbezaan ini dapat menimbulkan kekeliruan dalam menentukan penerimaan atau penolakan sesuatu periwayatan bagi perawi-perawi tertentu. Justeru, kajian ini mengfokuskan kaedah yang dapat digunakan bagi menyelesaikan perbezaan penilaian dalam kalangan para pengkritik hadith yang wujud dalam menentukan penilaian yang lebih menepati hak perawi-perawi bagi hadith yang dimuatkan di dalam kitab Mastika Hadith Jilid 3. Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif melibatkan kajian dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang kelihatan bercanggah pada penilaian pengkritik hadith ke atas kredibiliti perawi pada sebahagian hadith yang dimuatkan di dalam kitab Mastika Hadith Jilid 3. Meskipun begitu, terdapat garis panduan yang digariskan para ilmuan dalam menyelesaikan perbezaan ini. Garis panduan ini dapat memberi manfaat kepada kajian-kajian berkenaan *takhrīj al-hadith* khususnya ketika berhadapan dengan perbezaan penilaian dalam kalangan pengkritik hadith.

Kata Kunci: *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, Perawi, Hadith, Mastika Hadith.*

Abstract

The differences in evaluations among hadith critics toward the narrators of hadith often happen, such as the different opinions among *fuqaha* based on their *ijtihad*. These differences could contribute to confusion in accepting or rejecting one's narrative of hadith. Therefore, this study aims to focus on the methods that could be used to overcome the difference in opinions among the hadiths critics so that it would protect the rights of the narrators which had been compiled in the book Mastika Hadith Volume 3. This study used document analysis as a qualitative method. The findings revealed that there were obvious differences among hadith critics towards the narrator's credibility in some of the hadiths that has been compiled in the book, Mastika Hadith Volume 3. However, there was a guideline that has been written by the scholars to overcome this issue. This guideline is beneficial for *takhrīj al-hadith* research, especially while facing the different evaluations among hadith critics.

Keywords: *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, Narrators, Hadiths, Mastika Hadith.*

1. Pengenalan

al-Jarḥ wa al-Ta'dīl adalah suatu ilmu yang mengupas perbincangan mengenai penilaian kredibiliti perawi yang meriwayatkan hadith merangkumi aspek kritikan (*al-jarḥ*) dan pujian (*al-ta'dīl*). Kedua-dua aspek penilaian ini membawa kepada faktor penerimaan atau penolakan bagi sesuatu hadith. Pengertian *al-Jarḥ* ialah penilaian dari sudut kredibiliti atau kejituan seseorang perawi yang menyebabkan kepada kelemahan riwayatnya atau kelemahan dirinya atau penolakan dirinya. Manakala pengertian *al-Ta'dīl* ialah penilaian dari sudut kredibiliti atau kejituan seseorang perawi yang membawa kepada penerimaan riwayatnya (Abd al-^oAzīz Ibn Muḥammad, 2007). Perbezaan pandangan para pengkritik hadith adalah suatu perbincangan yang tidak dapat dielakkan dalam perbincangan ilmu berkenaan *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Demikian, suatu garis panduan telah digariskan para ilmuan terdahulu bagi menyelesaikan perbezaan yang timbul dalam proses penilaian kredibiliti perawi-perawi hadith.

2. Metodologi Penulisan

Pengkaji memilih metod analisis dokumen bagi menjalan kajian ini meliputi kitab-kitab *muṣṭalāh al-hadith* khususnya yang berkaitan dengan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl* bagi meneliti teori dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan ilmu ini. Seterusnya, metod yang sama digunakan dalam menganalisis kitab-kitab perawi hadith bagi menjejaki perawi-perawi yang bersesuaian bagi melengkapkan topik kajian. Kesemua data yang diperolehi ini dikaji secara praktikal dengan mengemukakan contoh-contoh perawi yang terlibat dengan disertakan jalan penyelesaian yang sesuai dalam menangani perbezaan yang berlaku.

3. Kitab Mastika Hadith Jilid 3

Mastika Hadith Jilid 3 adalah kitab yang disusun oleh Shaykh Abdullah Bin Shaykh Basmeih yang menghimpunkan hadith-hadith berkenaan ibadah puasa, zakat, sedekah, doa dan hadith kelebihan-kelebihan dalam beramal. Kitab Mastika Hadith Jilid 3 diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan sehingga kini masih diterbitkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang berpusat di Putrajaya. Kitab ini turut menjadi rujukan secara maya menerusi laman sesawang JAKIM dan diperdengarkan menerusi majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid-masjid. Justeru, kajian terperinci berkenaan kualiti hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab ini adalah sangat wajar untuk dititikberatkan. Maka, pengkaji memilih kitab ini sebagai subjek kajian pengkaji meliputi perbincangan terperinci berkenaan perawi-perawi yang berkaitan hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab ini.

4. Perbezaan Penilaian Melibatkan Seorang Pengkritik

Menjadi kebiasaan bagi pengkritik yang terkenal serta mempunyai bilangan anak murid yang ramai terdapat pelbagai versi periwayatan yang disandarkan kepada pengkritik tersebut sehingga adakala timbul perbezaan antara satu sama lain. Justeru, jalan-jalan periwayatan yang disandarkan perlu dihimpunkan serta dianalisis agar tidak berlaku sebarang perbezaan yang menyebabkan penilaian ke atas perawi-perawi tertentu tidak memenuhi haknya. Menurut Sa'di Mahdī al-Hāshimī (2004), kaedah penyelesaian bagi perbezaan penilaian yang melibatkan seorang pengkritik adalah seperti berikut:

1. Memastikan bahawa sandaran kepada pengkritik adalah tepat.

Kahmas Ibn al-Ḥasan al-Tamīmī al-Ḥanafī al-Baṣrī (pada hadith no 67):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Ibn Ma'īn: thiqaḥ (riwayat Ibn Abī Khaythamah), thiqaḥ (riwayat al-Dūrī).

Manakala perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Ibn Ma'īn: ḍa'īf (riwayat al-Azdī), Uthmān Ibn Daḥyah: ḍa'īf rawā manākīr. Kritikan Ibn Ma'īn ini juga dipetik oleh Uthmān Ibn Daḥyah sebagai sandaran.

Menurut al-Dhahabī (1987), jalan periwayatan al-Azdī daripada Yaḥyā tidak bersambung dan kata-kata yang terputus periwayatannya tidak mempunyai sebarang manfaat.

2. Memastikan individu yang dimaksudkan oleh pengkritik adalah tepat.

Muḥammad Ibn Mu'āwiyah al-Naysābūrī (pada hadith no 5):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Aḥmad: huwa kadhḥāb (riwayat Ibrāhīm Ibn Ya'qūb), ra'ayt aḥādīthah aḥādīth mawḍū'at (Abū Bakr al-Athram), inn Yaḥyā Ibn Yaḥyā kāna nāfirān minh (riwayat Ibn Hānī').

Manakala perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Aḥmad menerusi kata-kata al-Haythamī: wathāqah Aḥmad wa ḍa'afah akthar al-nās, al-Suyūṭī: naqal ba'dhum an Aḥmad wathāq Muḥammad Ibn Mu'āwiyah hadhā.

Menurut al-Sayyid Abū al-Ma'āṭī al-Nūrī, et.all (1997), al-Haythamī dan al-Suyūṭī tidak menyatakan jalan periwayatan yang dapat dijadikan sandaran berkenaan penilaian Aḥmad ke atas perawi ini. Terdapat kebarangkalian mereka hanya memetik kata-kata Aḥmad yang memuji kredibiliti perawi ini menerusi riwayat Salamah Ibn Shabīb iaitu ketika Salamah bertanya kepada Aḥmad Ibn Ḥanbal berkenaan Muḥammad Ibn Mu'āwiyah al-Naysābūrī lalu Aḥmad menjawab secara ringkas: ni'ma al-rajul Yaḥyā Ibn Yaḥyā al-Naysābūrī.

Menurut Ibn al-Jawzī (1982), menerusi kata-kata pujian tersebut Aḥmad menyelitkan kritiknya. Tambahan pula, perawi ini disenaraikan Aḥmad sebagai perawi yang dituduh berdusta dan dikritik kredibilitinya menerusi riwayat-riwayatnya yang lain. Tambahan pula, menjadi suatu kebiasaan baginya untuk tidak menggunakan kata-kata kritikan pada waktu-waktu tertentu.

Demikian kata-kata Aḥmad: niʿma al-rajul Yaḥyā Ibn Yaḥyā al-Naysābūrī (menerusi riwayat Salamah Ibn Shabīb) ini adalah pujian Aḥmad ke atas kredibiliti Yaḥyā Ibn Yaḥyā al-Naysābūrī sebagai perawi yang lebih menonjol daripada Muḥammad Ibn Muʿāwiyah al-Naysābūrī dalam bentuk perbandingan.

3. Memastikan kritikan tidak terikat dengan situasi, masa dan tempat tertentu.

Zuhayr Ibn Muḥammad Abū al-Mundhir al-Tamīmī al-Khurāsānī (pada hadith no 5):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Ibn Maʿīn: thiqah (riwayat al-Dūrī), thiqah; lays bih ba's (riwayat al-Dārimī), lays bih ba's (riwayat Ibn al-Junayd), lays bih ba's (riwayat Ibn Tahmān), lays bih ba's (riwayat Ibn Mihrāz), ṣāliḥ (riwayat Ibn Abī Khaythamah). Demikian juga perawi ini dipuji kredibilitinya oleh al-Nasā'ī: lays bih ba's, wa ʿind ʿAmr Ibn Abī Salamah ʿanh manākīr.

Manakala perawi ini dikritik kredibiliti oleh Ibn Maʿīn: Khurasānī ḍaʿīf (riwayat Muʿāwiyah Ibn Ṣāliḥ). Demikian juga dikritik kredibilitinya oleh al-Nasā'ī: ḍaʿīf; lays bi al-qawī.

Menurut al-Bukhārī (1942) dan Abū Ḥātim (1953), hadith yang diriwayatkan Ahl al-Shām daripada Zuhayr adalah hadith-hadith munkar. Manakala hadith yang diriwayatkan Ahl al-Baṣrah daripadanya adalah ṣāḥiḥ. Maka perbezaan penilaian yang wujud adalah disebabkan terdapat dua situasi berbeza yang menentukan sama ada perawi ini diterima atau ditolak periwayatannya.

4. Memastikan ungkapkan pengkritik selari dengan maksud penilaian yang dikehendaki.

ʿAbd al-ʿAzīz Ibn al-Mukhtār al-Anṣārī Abū Ishāq (pada hadith no 24):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Ibn Maʿīn: thiqah (Ishāq Ibn Manṣūr), thiqah (riwayat al-Dūrī).

Manakala perawi ini didapati seakan dikritik pula kredibilitinya oleh Ibn Maʿīn: lays bi shay' (riwayat Ibn Abī Khaythamah).

Menurut Ibn Ḥajar (1960), perawi ini dijadikan hujah oleh majoriti (penyusun kutub al-sittah). Menurut Ibn al-Qaṭṭān al-Fāsī, maksud penilaian Ibn Maʿīn pada sebahagian riwayatnya dengan lafaz lays bi shay' bermaksud hadith perawi tersebut adalah terlalu sedikit. Justeru, tidak terdapat perbezaan pada penilaian Ibn Maʿīn ke atas kredibiliti perawi ini menerusi riwayat-riwayat yang dinyatakan.

5. Tidak berlaku perbezaan antara kritikan pengkritik dan pengkritik-pengkritik lain yang lebih ramai.

al-ʿAlā' Ibn ʿAbd al-Raḥman Ibn Yaʿqūb mawlā al-Ḥuraqah (pada hadith no 57):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Ibn Maʿīn: lays bih ba's, Saʿīd al-Maqburī awthaq wa al-ʿAlā' ḍaʿīf (riwayat al-Dārimī), huwa ṣāliḥ al-hadith (riwayat Ibn Tahmān).

Manakala perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Ibn Maʿīn: muḍṭarib al-hadith, lays hadithuh bi ḥujjah (riwayat ʿAbd Allah Ibn Aḥmad), lam yuzal al-nās yattqūn hadith al-ʿAlā' Ibn ʿAbd al-Raḥman, lays bi dhāk (riwayat Ibn Abī Khaythamah), lays hadithuh bi ḥujjah wa huwa wa Suhayl qarīb min al-sawā', fa lam yaqwi amruhumā (riwayat al-Dūrī), lays bi al-qawī (al-Dūruqī).

Berdasarkan penilaian di atas, pujian dan kritikan ke atas perawi ini adalah berada pada tahap pertengahan iaitu perawi ini ditulis hadithnya meskipun tidak dijadikan hujah. Namun, terdapat kritikan menerusi jalan periwayatan lain yang menunjukkan perawi ini dikenakan kritikan yang keras oleh Ibn Maʿīn: aḥsan aḥwālāh ʿindī annah qīl lah ʿinda mawtiḥ an lā tastaghfir Allah? lā, arjū an yaghfir Allah lī, fa qad waḍaʿt fī faḍl ʿAlī Ibn Abī Ṭālib sabʿūb hadithān (riwayat Ibn al-Jawzī, daripada Abū Dāwud al-Sijistānī) iaitu perawi ini dituduh sebagai pendusta dalam meriwayatkan ḥadīth. Begitupun, terdapat petunjuk bahawa riwayat yang menyatakan kritikan Ibn Maʿīn ini adalah tidak tepat dari sudut sandarannya atas sebab-sebab berikut:

a. Tidak ditemui riwayat daripada pengkritik-pengkritik dalam kalangan mutaqqaddimīn selain Ibn Maʿīn yang mengkritik kredibiliti perawi ini secara keras. Antara pengkritik yang melakukan kritikan ke atas perawi ini antaranya Abu Zurʿah: *lays huwa bi al-qawī mā yakūn*.

Manakala perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Aḥmad: *thiqah*, al-ʿIjlī: *thiqah*, Abū Ḥātim: *ṣāliḥ*, rawā ʿanh al-thiqāt wa anā ankar min hadīthih ashiyāʾ, Ibn ʿAdī: *wa li al-ʿAlāʾ Ibn ʿAbd al-Raḥman naskh ʿan abīh ʿan Abī Hurayrah yarwīhā, ʿan al-ʿAlāʾ al-thiqāt wa mā arā bi hadīthih baʾsān, al-Nasāʾī: lays bih baʾs, al-Tirmidhī: huwa thiqah ʿind ahl al-hadīth, Ibn Saʿd: wa kāna kathīr al-hadīth thabtān*.

b. Menurut al-Dhahabī (1995) status perawi ini sebagai ṣadūq masyhūr dan Ibn Hajar (1991) merumuskan status beliau sebagai ṣadūq rabbumā wahim. Tidak terdapat penilaian daripada mereka berdua yang menunjukkan perawi ini pernah dikenakan kritikan yang keras seperti tuduhan pendustaan.

c. Berlaku perbezaan penilaian menerusi jalan periwayatan tersebut dan jalan periwayatan anak-anak murid Ibn Maʿīn yang lebih ramai dan lebih lama berdamping dengan beliau.

6. Mengutamakan riwayat anak-anak murid pengkritik yang lebih hampir dan melazimi pengkritik berbanding selainnya.

Yazīd Ibn ʿAbd Allah Ibn Khuṣayfah al-Kindī al-Madanī (pada hadīth no 63):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Aḥmad: *thiqah* (menerusi riwayat Abū Bakr al-Athram), *mā aʿlam illā khayrān* (menerusi riwayat ʿAbd Allah Ibn Aḥmad).

Manakala perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Aḥmad: *munkar al-hadīth* (menerusi riwayat Abū ʿUbayd al-Ajūrī, daripada Abū Dāwud).

Menurut Bashār ʿAwād Maʿrūf, penilaian Aḥmad menerusi riwayat al-Ajūrī, daripada Abū Dāwud ini adalah tidak tepat dari sudut sandarannya. Penilaian Aḥmad menerusi riwayat al-Athram dan anaknya ʿAbd Allah adalah lebih utama. Mereka berdua meriwayatkan bahawa Aḥmad memuji kredibiliti perawi ini secara jelas (al-Midhdhī, 1992).

Tambahan pula, perawi ini dipuji kredibilitinya oleh pengkritik-pengkritik lain antaranya Abū Ḥātim: *thiqah*, Ibn Saʿd: *wa kāna ʿābidān nāsikān thiqah kathīr al-hadīth thabtān*.

5. Perbezaan Penilaian Melibatkan Ramai Pengkritik

Menurut al-Mundhirī, perbezaan penilaian perawi dalam kalangan pengkritik hadīth adalah suatu perkara yang biasa terjadi seperti perbezaan pendapat yang kebiasaan berlaku dalam kalangan para fuqahāʾ berdasarkan ijtihād mereka (ʿAbd Allah Ibn Yūsuf al-Jadī, 2003). Demikian kerana terdapat pelbagai manhaj dan situasi yang dijadikan pegangan para pengkritik dalam menentukan penilaian ke atas seseorang perawi. Menurut al-Sharīf Ḥātim Ibn ʿĀrif al-ʿAwnī, 2000, berikut adalah beberapa garis panduan yang dapat dipatuhi bagi menyelesaikan perbezaan yang melibatkan ramai para pengkritik:

1. Menyelesaikan perbezaan yang berlaku dengan kaedah al-jamʿ atau penggabungan.

ʿAbd al-Raḥman Ibn Abī al-Zinād (pada hadīth no 34):

Terdapat perbezaan pada penilaian perawi ini iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Yaʿqūb Ibn Shaybah: *thiqah*, ṣadūq, *wa fī hadīthih ḍaʿf*, al-ʿIjlī: *thiqah*.

Manakala perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Ibn Saʿd: *kāna kathīr al-hadīth ḍaʿīfan*, Ibn Ḥibbān: *ḍaʿīf*, Ibn ʿAdī: *wa baʿḍ mā yarwīh, lā yutābiʿ alayh, wa huwa mim man yuktab hadīthuh, al-Nasāʾī: lā yuḥtaj bi hadīthuh, ʿAlī Ibn al-Madīnī: kāna ʿind aṣḥābinā ḍaʿīfan, al-Fallās: kāna ʿAbd al-Raḥman Ibn Mahdī lā yuḥaddīth ʿan ʿAbd al-Raḥman Ibn Abī al-Zinād, Aḥmad: muḍṭarib al-hadīth, Ibn Maʿīn: lā yuḥtaj bi hadīthih, Abū Ḥātim: yuktab hadīthuh wa lā yuḥtaj bih*.

Menurut ʿAlī Ibn al-Madīnī, hadīth yang diriwayatkan oleh perawi ini di Madīnah adalah ṣaḥīḥ dan hadīth yang diriwayatkan oleh perawi ini di Baghdād adalah sebaliknya. Menurut al-Fallās dan al-Sājī, hadīth yang diriwayatkan oleh perawi ini di Madīnah lebih ṣaḥīḥ daripada hadīth yang diriwayatkan olehnya di Baghdād (al-Khaṭīb, 2004).

Perbezaan penilaian yang wujud adalah disebabkan terdapat dua situasi berbeza yang menentukan penerimaan atau penolakan bagi periwayatan perawi tersebut. Maka, kedua-dua penilaian sama ada kritikan atau pujian dapat diterima dengan kaedah gabung jalin iaitu menerusi kaedah al-jam^o sesuai dengan situasi-situasi yang periwayatan bagi perawi tersebut.

2. Melakukan pemilihan secara tarjīh antara dua perbezaan yang berbeza.

Sekiranya perbezaan penilaian tidak dapat diharmonikan menerusi pendekatan al-jam^o, maka pendekatan tarjīh diambil bagi mendapatkan penilaian yang paling menepati hak perawi. Berikut merupakan beberapa prinsip asas sebagai panduan bagi menentukan penilaian yang lebih kuat.

a. Mendahulukan kritikan (al-jarḥ) berbanding pujian (al-ta^odīl)

Menurut Ibn Ḥajar (1994), majoriti para ilmuwan dalam kalangan ahli ḥadīth dan ahli uṣūl bersepakat bahawa kritikan (al-jarḥ) lebih diutamakan berbanding pujian (al-ta^odīl) meskipun penilai yang melakukan pujian lebih ramai. Menurut Ibn Ḥajar, majoriti ilmuwan mendahulukan kritikan (al-jarḥ) berbanding pujian (al-ta^odīl) dengan syarat kritikan itu dijelaskan atau diperincikan. Kritikan yang tidak disertakan penjelasan tidak menjejaskan pujian ke atas kredibiliti seseorang perawi. Adapun sekiranya, tidak wujud sebarang penilaian, maka kritikan (al-jarḥ al-mubḥām) yang tidak disertakan penjelasan dapat digunakan.

b. Pembahagian manhaj pengkritik hadith kepada tiga bahagian

Menurut ^oAbd al-^oAzīz Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-^oAbd al-Laṭīf (2007), para ilmuwan membahagikan kategori pengkritik hadith kepada tiga bahagian iaitu golongan yang keras (mutashaddid), golongan yang sederhana (mu^otadil), dan golongan yang bermudah-mudahan (mutasāhil). Manfaat daripada pembahagian kategori para pengkritik ini adalah bagi memudahkan proses pemilihan (tarjīh) sekiranya berlaku perbezaan penilaian ke atas seseorang perawi.

Misalnya apabila berlaku percanggahan antara kritikan dalam kalangan yang keras (mutashaddid) dan pujian dalam kalangan yang sederhana (mu^otadil), maka penilai (mu^otadil) yang melakukan pujian adalah lebih diutamakan berbanding penilai (mutashaddid) yang melakukan kritikan. Sekiranya pengkritik dalam kalangan yang keras (mutashaddid) memberikan pujian ke atas kredibiliti perawi, maka penilaian mereka dapat dijadikan pegangan selagi mana tidak terdapat kritikan pada kredibiliti perawi tersebut dalam kalangan pengkritik yang lebih ramai jumlahnya atau kritikan yang disertakan penjelasan. Sebaliknya, jika pengkritik yang keras (mutashaddid) melakukan kritikan ke atas kredibiliti seseorang perawi adalah sewajarnya mengambil pendekatan tawaqūf sehingga terdapat pandangan pengkritik lain yang sepadan dengan kritikannya. Berbeza dengan pengkritik dalam kalangan sederhana (mu^otadil), kritikan dan pujian mereka ke atas perawi dapat dijadikan pegangan selagi mana tidak berlaku perbezaan penilaian dengan pengkritik (mu^otadil) yang lain.

Sekiranya pengkritik dalam kalangan yang bermudah-mudahan (mutasāhil) memberikan pujian ke atas kredibiliti seseorang perawi adalah sewajarnya untuk mengambil pendekatan tawaqūf sehingga terdapat pengkritik lain yang menyokong kenyataan pengkritik tersebut. Manakala sekiranya mereka dalam kalangan bermudah-mudahan (mutasāhil) memberikan kritikan ke atas kredibiliti seseorang perawi adalah sewajarnya untuk diteliti manhaj penilaian mereka secara perseorangan kerana terdapat dalam kalangan mereka yang keras (mutashaddid) dan tidak kurang juga yang bermudah-mudahan (mutasāhil) dalam melakukan kritikan.

c. Penilai berasal daripada tempat menetap perawi yang dinilai.

Apabila berlaku percanggahan antara penilai yang menetap di tempat yang lain berbanding penilai yang menetap di tempat yang sama dengan perawi yang dinilai, maka penilai yang menetap di tempat yang sama lebih diutamakan penilaiannya. Menurut Ḥammād Ibn Zayd, seseorang perawi yang berasal daripada tempat menetap yang sama lebih mengetahui perihai perawi yang berada di tempatnya (^oAbd Allah Ibn Yūsuf al-Jadī^o, 2003).

d. Penilai hidup sezaman dengan perawi yang dinilai.

Penilai yang hidup sezaman sudah tentu lebih mengetahui perihal perawi yang dinilai berbanding penilai yang tidak hidup sezaman dengan perawi yang dinilai. Maka, hal ini dapat dijadikan hujah dalam melakukan tarjih sekiranya berlaku perbezaan selagi mana penilaian tidak dipengaruhi dengan sikap atau kebencian (al-Sharīf Ḥātim Ibn ʿArif al-ʿAwnī, 2000).

e. Penilai yang mempunyai pertalian keluarga lebih diutamakan.

Pertalian keluarga dapat dijadikan petunjuk bahawa penilai lebih mengenali perawi yang dinilai berbanding mereka yang tidak mempunyai pertalian keluarga dengan perawi yang dinilai. Penilaian ahli keluarga lebih diutamakan selagi mana penilai diakui ketelusan dan kewibawaannya di dalam menjaga agama (Qāsim ʿAlī Saʿd, 1988).

f. Penilai terdiri dalam kalangan anak murid yang sering melazimi perawi yang dinilai.

Kekerapan penilai melazimi dan mengambil ḥadīth daripada gurunya dapat dijadikan petunjuk bahawa penilai lebih arif perihal berkenaan gurunya dan lebih mengetahui kekurangan serta kelebihan gurunya. Maka, penilaian anak murid diutamakan berbanding penilai selainnya (Jumʿah Faḥrī ʿAbd al-Ḥalīm, 2013).

Berikut merupakan pendekatan tarjih yang digunakan bagi menyelesaikan perbezaan penilaian yang tidak dapat diharmonikan menerusi pendekatan al-jamʿ:

i. Shahr Ibn Hawshab al-Ashʿarī (pada hadith no 3):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Ibn Muʿādh al-ʿAnbarī: mā taṣnaʿ bi hadith shahr fa inna Shuʿbah taraka hadith Shahr, Abū Ḥātim: lā yuḥtaj bi hadithuh, Ibn Ḥibbān: kāna mim man yarwī ʿan al-thiqāt al-muʿdalāt wa ʿan al-athbāt al-maqlūbāt, Ibn ʿAwn: inna Shahr tarakūh inna Shahr tarakūh, al-Fallās: kāna Yaḥyā al-Qaṭṭān lā yuḥaddith ʿan Shahr Ibn Hawshab, Ibn ʿAdī: lays bi al-qawī fī al-hadith, wa huwa mim man la yuḥtaj bi hadithuh wa lā yatadayyan bih, al-Nasāʾī: lays bi al-qawī, Ibn Qutaybah: wa kāna ḍaʿīfan fī al-hadith, dan al-Dāraquṭnī: lays bi al-qawī, Mūsā Ibn Ḥārūn: ḍaʿīf, Ibn Hazm: thāqīf, al-Bayhaqī: wa huwa ʿind ahl al-ʿilm bi al-hadith la yuḥtaj bih, Ibn al-Mulaqqin: wa qad tarakūh, dimasukkan di dalam kitab al-Ḍuʿaʿāʾ oleh al-ʿUqaylī, dan dimasukkan di dalam kitab al-Duʿafāʾ oleh Ibn al-Jawzī.

Manakala perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Ibn al-Madīnī: wa kāna ʿAbd al-Raḥman Ibn Maḥdī yuḥaddith ʿanh, wa anā lā adʿu hadith al-rajul illā an yajtamiʿan ʿalyh Yaḥyā wa ʿAbd al-Raḥman, Abū Zurʿah: lā baʿs bih, Ibn Maʿīn: thiqah, Abū Dāwūd: thiqah, Aḥmad: lays bih baʿs, al-Bukhārī: ḥasan al-hadith, al-ʿIjlī: thiqah, Yaʿqūb Ibn Shaybah: Shahr thiqah, ṭaʿan fīh baʿḍuhum, Yaʿqūb Ibn Sufyan al-Fasawī: Shahr wa in takallam fīh Ibn ʿAwm fa huwa thiqah.

Menurut al-Naḍr Ibn Shumayl, perawi ini dikritik kerana beliau bekerja untuk kepentingan sultan (al-Tirmidhī (1997). Perawi ini turut menerima kritikan atas dakwaan beliau mengambil harta Bayt al-Māl secara salah. Begitupun, Ibn Kathīr (1998) menjelaskan bahawa tiada bukti kukuh atas dakwaan yang dikemukakan dan seandainya terbukti sekalipun beliau mengambil harta Bayt al-Māl sekalipun tidak menjadikan beliau sebagai seorang pesalah kerana beliau sendiri adalah penjaga kepada harta Bayt al-Māl. al-Nawāwī (1925) mengatakan bahawa kritikan yang dikenakan ke atas beliau hakikatnya bukanlah satu bentuk kritikan yang menjatuhkan kredibiliti. Menurut al-Dhahabī (1995), para ilmuan menjadikan riwayatnya sebagai hujah dan Ibn Ḥajar (1991) merumuskan status beliau sebagai ṣadūq kathīr al-Irsāl wa al-Awhām.

Maka, pemilihan secara tarjih dapat dilakukan dalam situasi ini bagi menentukan status bagi perawi ini sama ada perawi ini diterima atau ditolak periwayatannya berdasarkan petunjuk-petunjuk dan alasan-alasan yang dinyatakan. Meskipun kritikan yang dikenakan ke atas perawi ini disertakan bersama penjelasan, penafian ke atas setiap dakwaan yang dikemukakan dapat menguatkan lagi pendapat yang mengatakan perawi ini adalah terpuji dari sudut kredibilitinya.

ii. Muḥammad Ibn Ishāq Ibn Yassār (pada hadith no 105)

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dikritik kredibilitinya dengan kritikan yang keras oleh Hishām Ibn ʿUrwah: kadhhdhāb, Yahyā Ibn Saʿīd al-Qaṭṭān: ashad ann Muḥammad Ibn Ishāq kadhhdhāb, Mālik Ibn Anas: dajjāl min al-dajjālah, kadhhdhāb.

Manakala perawi ini dikritik secara sederhana oleh ʿAlī Ibn al-Madīnī: lā yuḥaddīth ʿan Muḥammad Ibn Ishāq, wa innah kāna sayyīʾ al-raʾy fih yuḍaʿifuh, Ibn Maʿīn: lā tastathbit bi shayʾ yuḥaddīthuk bih Ibn Ishāq, fa inn Ibn Ishāq lays bi qawī fī al-ḥādīth, wa kāna yurmā bi al-qadr, ḍaʿīf, Abū Ḥātim: lays ʿindī fī al-ḥādīth bi al-qawī ḍaʿīf al-ḥādīth wa huwa uḥibb ilayyā min Aflah Ibn Saʿīd yuktab ḥādīthuh

Manakala perawi ini dipuji kredibilitinya oleh Shuʿbah: ṣadūq fī al-ḥādīth, amīr al-muʾminīn, Abū Muʿāwiyah al-Ḍarīr: kāna Ibn Ishāq min aḥfaz al-nās, fa kāna idhā kāna ʿind al-rajul khamsah aḥādīth aw akthar fa istawdaʿahā ʿind Ibn Ishāq, Sufyān al-Thawrī: jālast Ibn Ishāq mundh biḍʿ wa sabʿīn sanah wa mā yattahimuh aḥad min ahl al-madīnah wa lā yaqūl fih shayʾān, ʿAlī Ibn ʿAbd Allah: nazart fī kutub Ibn Ishāq fa mā wajadt ʿalayh illā fī ḥādīthayn wa yumkin an yakūnā ṣaḥīḥayn, Ibn Maʿīn: thiqaḥ wa lakin lays bi ḥujjah, Aḥmad: huwa ḥasan al-ḥādīth, Abū Zurʿah: ṣadūq, Ibn Saʿīd: wa kāna kathīr al-ḥādīth, wa qad katabat ʿanh al-ʿulamāʾs wa minhūm man yastaḍʿifuh, Ibn ʿAdī: lam ajid fī aḥādīthuh mā yatahayaʾ an yaqtiʿ ʿalayh bi al-ḍaʿf wa rabbumā akhtaʾ aw wahm fī al-shayʾ baʿd al-shayʾ kamā yaqtiʿ ghayruh wa lam yatakhalaf ʿanh fī al-riwāyat ʿanh al-thiqāt wa al-aʾimmah, wa huwa lā baʾs bih, Ibn Numayr: idhā ḥaddath ʿan man samiʿa minh min al-maʿrūfīn fa huwa ḥasan al-ḥādīth ṣadūq, wa innam atī min annah yuḥaddīth ʿan al-majhūlīn aḥādīth bāṭilah.

Kritikan Hishām Ibn ʿUrwah ke atas Muḥammad Ibn Ishāq adalah bertitik tolak daripada penafiannya yang mengatakan bahawa Muḥammad Ibn Ishāq tidak pernah mendengar hadith daripada Fāṭimah Bint al-Mundhir. Menurut al-Dhahabī (1985), terdapat kebarangkalian Fāṭimah adalah salah seorang ibu saudara susuan kepada Ibn Ishāq dan hal ini tidak diketahui oleh Hishām. al-Dhahabī turut memperakui kata-kata Sufyān al-Thawrī yang mengatakan bahawa Fāṭimah meriwayatkan ḥādīth kepada Muḥammad Ibn Ishāq dan beliau pernah menemuinya. Menurut ʿAlī Ibn al-Madīnī, kritikan Hishām tidak dapat dijadikan hujah iaitu terdapat kebarangkalian Muḥammad Ibn Ishāq menemui isterinya semasa beliau masih kecil lalu mendengarkan hadith daripadanya (al-Khaṭīb, 2002). Manakala kritikan Yahyā Ibn Saʿīd al-Qaṭṭān pula adalah hasil nukil daripada kata-kata Hishām Ibn ʿUrwah.

Mengulas berkenaan kritikan Mālik Ibn Anas ke atas perawi ini, Yaʿqūb Ibn Shaybah mengatakan bahawa Mālik tidak duduk bersama perawi ini dan tidak mengetahui perihwal perawi ini (al-Midhdhī, 1992). Menurut al-Dhahabī (1985), para ilmuan al-jarḥ wa al-taʿdīl tidak terlepas daripada sikap keterlaluan di dalam melakukan penilaian disebabkan faktor permusuhan dan diketahui bahawa kritikan sebahagian ilmuan ke atas sebahagian ilmuan sezaman yang lain tidak mempunyai sebarang manfaat terutamanya apabila individu yang dikritik itu dipuji oleh majoriti penilai yang diperakui jujur dalam penilaian mereka.

al-Dhahabī (1992) merumuskan status beliau sebagai ṣadūq min buḥūr al-ʿilm wa lah gharāʾib fī siʿat mā rawā tastankir wa ikhtilaf fī al-iḥtijāj bih wa ḥādīthuh ḥasan. Justeru, pengkritik yang meletakkan kedudukan perawi ini sebagai perawi yang ditolak secara mutlak kerana melakukan pendustaan adalah penilaian yang marjūh.

3. Tidak melakukan sebarang pemilihan (tawaqquf).

i. ʿAmr Ibn Shuʿayb Ibn Shuʿayb Ibn Muḥammad Ibn ʿAbd Allah Ibn ʿAmr Ibn al-ʿĀṣ al-Sahmī (pada hadith no 84 dan 87):

Terdapat perbezaan iaitu perawi ini dipuji kredibilitinya oleh al-Nasāʾī: thiqaḥ, lays bih baʾs, al-ʿIjlī: thiqaḥ, al-Bukhārī: raʾy aḥmad, wa ʿAliyān wa al-Ḥumaydī wa Ishāq yaḥtajjūn bi hadīth ʿAmr Ibn Shuʿayb, Abū Ḥātim: ʿAmr Ibn Shuʿayb ʿan abīh ʿan jaddih uḥibb ilayyā (min Bahz Ibn Ḥakīm ʿan abīh ʿan jaddih), Abū Zurʿah: kaʾannah thiqaḥ fī nafsih inna mā takallam fih bi sabab kitāb ʿindah, Ibn Maʿīn: thiqaḥ (riwayat al-Dūrī), Aḥmad: anā aktub hadīthuh wa rabbumā iḥtijajunā bih wa rabbumā wajasa fī al-qalb minh wa Mālik yarwī ʿan rajul ʿanh (riwayat Abū Bakr al-Athram).

Manakala perawi ini dikritik kredibilitinya oleh Aḥmad: lah ashyāʾ manākīr; innamā naktub hadīthah naʿtabiruh, fa amma yakūn ḥujjah fa lā (riwayat ʿAbd al-Malik Ibn ʿAbd al-Ḥamīd), Yahyā Ibn Saʿīd al-Qaṭṭān: ʿAmr Ibn Shuʿayb ʿindanā wāh, Ibn Maʿīn: kadhhdhāb, wa huwa yaqūl abī, ʿan jaddī, ʿan al-nabī

sallā Allah ʿalayh wasallam fa min hā hunā duʿif aw nahw hadhā min al-kalām (riwayat al-Dūrī), mā aqūl fīh rawā ʿanh al-aʿimmah, lays bi dhāk (riwayat Ibn Abī Khaythamah), yuktab hadithah (riwayat Ishāq Ibn Maṣūir), mā aqūl rawā ʿanh al-aʿimmah (riwayat Abū Hātim), Abū Hātim: lays bi qawī yuktab hadithah wa mā rawā ʿanh al-thiqāt fa yudhākir bih, Abū Zurʿah: rawā ʿanh al-thiqāt mithl Ayyūb al-Sakhtiyānī wa Abī Hāzim, wa Zuhri, wa al-Hakam Ibn ʿUṭaybah wa innāmā ankarū ʿalayh kathrat riwāyatih ʿan abīh ʿan jaddih wa qāla innāmā samiʿa aḥādīth yasīrah wa akhadh ṣaḥīfah kānat ʿindah fa rawāhā, mā aqil mā naṣīb ʿanh min mā rawā ʿan ḡayr abīh ʿan jaddih min al-munkar wa ʿāmah hadhih al-manākīr alladhī yarwī ʿan ʿAmr Ibn Shuʿayb innāmā hiya ʿan al-Muthannā Ibn al-Ṣabbāh wa Ibn Lahī ʿah wa al-ḍuʿafāʾ wa huwa thiqaḥ fī naṣīh innāmā takallam fīh bi sabab kitāb ʿindah, Ibn ʿUyaynah: innāmā yuhaddith ʿan abīh ʿan jaddih wa kāna hadīthuh ʿind al-nās fīh shayʾ, ḡayruh khayr minh wa qad rawā ʿanh thiqaḥ al-nās, Ibn ʿAdī: ʿAmr Ibn Shuʿayb fī naṣīh thiqaḥ illā annah idhā rawā ʿan abīh, ʿan jaddih ʿalā mā nasabah Aḥmad Ibn Hanbal yakūn mā yarwīh ʿan abīh ʿan jaddih ʿan al-nabī sallā Allah ʿalayh wasallam mursalān li anna jaddih ʿindah huwa Muḥammad Ibn ʿAbd Allah Ibn ʿAmr Muḥammad lays lah ṣuḥbah wa qad rawā ʿan ʿAmr Ibn Shuʿayb aʿimmah al-nās wa thiqaḥuhum wa jamāʿah min al-ḍuʿafāʾ illā ann aḥādīthuh ʿan abīh ʿan jaddih ʿan al-nabī sallā Allah ʿalayh wasallam ijtānabah al-nās maʿa iḥtimālihim iyyāh wa lam yudkhlūh fī ṣiḥāh mā kharrājūh wa qālu hiya ṣaḥīfah, al-Dāraqūṭnī: idhā qāla ʿan abīh ʿan jaddih yūhim an yakūn jaddih al-ʿalā aw jaddih al-adnā, mā bayyīn, fa idhā bayyīn ṣaḥīh, wa lam yarwi hadithah aḥad min al-aʿimmah, Ibn Hibbān: wa idhā rawā ʿan abīh ʿan jaddih fa fīh manākīr kathīrah lā yajūz al-iḥtijāj ʿindī bi shayʾ li ann hadhā al-isnād lā yakhlū min an yakūn mursalān aw munqaṭiʿ li annah ʿAmr Ibn Shuʿayb Ibn Muḥammad Ibn ʿAbd Allah Ibn ʿAmr fa idhā rawā ʿan abīh fa abūh Shuʿayb wa idhā rawā ʿan jaddih wa arād ʿAbd Allah Ibn ʿAmr wa jadd Shuʿayb fa in Shuʿaybān lam yaliq ʿAbd Allah Ibn ʿAmr wa al-khabar bi naqlih hadhā munqaṭiʿ wa in arād bi qawliḥ ʿan jaddih jaddih al-adnā fa huwa Muḥammad Ibn ʿAbd Allah Ibn ʿAmr wa Muḥammad Ibn ʿAbd Allah lā ṣuḥbah lah fa al-khabar bi hadhā al-naql yakūn mursalān fa lā takhlū riwāyat ʿAmr Ibn Shuʿayb ʿan abīh ʿan jaddih an yakūn mursalān aw munqaṭiʿān wa al-mursal wa al-munqaṭiʿ min al-akbār lā yaqūm bihā ḥujjah, Abū Dāwūd: ʿAmr Ibn Shuʿayb ʿan abīh ʿan jaddih lays bi ḥujjah, wa lā niṣf ḥujjah.

Menurut al-Bayhaqī (2003), sepertinya al-Shāfiʿī mengambil pendekatan tawaqquf pada jalan-jalan periwayatan ʿAmr Ibn Shuʿayb seandainya tidak terdapat riwayat-riwayat sokongan lain yang menguatkan periwayatan perawi tersebut. Menurut Abū al-Faṭḥ al-Azdī, ahl al-hadith mengatakan bahawa periwayatan ʿAmr Ibn Shuʿayb daripada Saʿīd Ibn al-Musayyīb dan periwayatan selainnya dinilai sebagai ṣadūq. Manakala periwayatannya daripada ayahnya daripada datuknya sewajarnya untuk diambil pendekatan tawaqquf (Ibn al-Mulaqqin, 2004).

Menurut al-Hākim (1990), tidak berlaku sebarang perbezaan pandangan berkenaan kredibiliti ʿAmr Ibn Shuʿayb melainkan hanya berlaku perbezaan pandangan berkenaan periwayatannya daripada ayahnya daripada datuknya. Menurut al-Dhahabī (1985), para ilmuan menjadikan perawi ini sebagai hujah dan turut dipuji kredibilitinya oleh para pengkritik. Manakala, terdapat sejumlah kecil yang mengambil pendekatan tawaqquf dan tidak diketahui seorang pun yang meninggalkan perawi ini.

Kesukaran dalam menentukan hujah yang kuat bagi menentukan status perawi ini dapatlah diambil pendekatan berkecuali dari melakukan sebarang penilaian menerusi pendekatan tawaqquf. Tambahan pula, pilihan ini juga adalah selaras dengan pandangan beberapa para ilmuan yang turut mengambil pendekatan berkecuali (tawaqquf) pada penilaian perawi ini pada sebahagian periwayatannya.

6. Kesimpulan

Perbezaan penilaian dalam kalangan para pengkritik hadith dalam melakukan penilaian ke atas perawi-perawi adalah suatu perkara yang biasa ditemui menerusi kitab-kitab terdahulu. Pengetahuan berkenaan garis panduan bagi menyelesaikan perbezaan yang wujud dapat memastikan kajian berkenaan perawi-perawi dapat memenuhi haknya seterusnya dapat menemukan petunjuk-petunjuk yang membawa kepada penerimaan atau penolakan sesuatu hadith.

Rujukan

Aḥmad Ibn Hanbal (2001). *al-ʿIlal wa Maʿrifat al-Rijāl*. al-Riyāḍ: Dār al-Khānī.

ʿAbd Allah Ibn Yūsuf al-Jadī (2003). *Tahrīr ʿUlūm al-Hadith. Bīrūt: Muʿassasah al-Rayyān Li al-Ṭabāʿah*

Wa al-Nashr Wa al-Tawzīʿ.

- al-Bayhaqī (1993). *al-Asmāʾ Wa al-Ṣifāt*. Jiddah: Maktabah al-Sawādī Li al-Tawzīʿ.
- al-Bayhaqī (2003). *al-Sunan al-Kubrā*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Bukhārī (1942). *al-Tārīkh al-Kabīr*. al-Hind: Dāʾirah al-Maʿārif al-Uthmāniyyah.
- al-ʿIjlī (1983). *Maʿrifat al-Thiqāt*. al-Madīnah: Maktabah al-Dār.
- al-ʿUqaylī (1984). *al-Duʿafāʾ al-Kabīr*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Dāraquṭnī (2001). *Sunan al-Dāraquṭnī*. Bīrūt: Dār al-Maʿrifah.
- al-Dhahabī (1985). *Siyar Aʿlām al-Nubalāʾ*. Bīrūt: Muʿassasah al-Risālah.
- al-Dhahabī (1987). *al-Mughnī Fī al-Duʿafāʾ*. Qaṭar: Idārat Ihyaʾ al-Turāth al-Islāmī.
- al-Dhahabī (1995). *Mīzān al-ʿItidāl Fī Naqd al-Rijāl*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Ḥākīm (1990). *al-Mustadrāk ʿAlā al-Ṣaḥīḥayn*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Haythamī (1994). *Majmaʿ al-Zawāʾid Wa Manbaʿ al-Fawāʾid*. al-Qāhirah: Maktabahal-Qudsī.
- al-Khaṭīb (2004). *Tārīkh Baghdād Aw Madīnat al-Salām*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Midhdhī (1992). *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmāʾ al-Rijāl*. Bīrūt: Muʿassasah al-Risalah
- al-Nasāʾī (1985). *al-Duʿafāʾ Wa al-Matrūkīn*. Bīrūt: Muʿassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- al-Nawāwī (1925). *al-Majmūʿ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Jiddah: Maktabah al-Irshād.
- al-Sayyid Abū al-Maʿāṭī al-Nūrī, et.all (1997). *Mawsūʿat Aqwāl al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal Fī Rijāl al-Hadīth Wa ʿIlalih*. al-Qāhirah: ʿĀlim al-Kutub.
- al-Sayyid Abū al-Maʿāṭī al-Nūrī, et.all (1997). *Mawsūʿat Aqwāl al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal Fī Rijāl al-Hadīth Wa ʿIlalih*. al-Qāhirah: ʿĀlim al-Kutub.
- al-Sharīf Ḥātim Ibn ʿĀrif al-ʿAwnī (2000). *Khulāṣah al-Taʾshīl Li ʿIlm al-Jarḥ Wa al-Taʿdīl*. Makkah: Dār ʿĀlim al-Fawāʾid.
- al-Suyūṭī (1996). *al-Laʾālīʾ al-Maṣnūʿah Fī al-Āḥādīth al-Mawḍūʿah*. Jilid 1. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. al-
- al-Tirmidhī (1997). *al-Jāmiʿ al-Tirmidhī*. al-Riyāḍ: Maktabah al-Maʿārif Li al-Nashr Wa al-Tawzīʿ.
- ʿAbd al-ʿAzīz Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhīm al-ʿAbd al-Laṭīf (2007). *Ḍawābiḥ al-Jarḥ wa al-Taʿdīl Maʿa Dirāsāt Tahlīliyyah Li Tarjamāt Isrāʾīl Ibn Yūnus Ibn Abī Ishāq al-Sabīʿī*. al-Riyāḍ: Maktabah al-ʿAbīkān.
- Ibn Abī Ḥātim (1953). *al-Jarḥ Wa al-Taʿdīl*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.